

Kerajaan bina dua SJKC, bawah RMK-9

PUTRAJAYA 27 Sept. - Kerajaan akan membina dua buah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Sekolah tersebut ialah SJKC Tun Tan Slew Sin yang pada asalnya dinamakan SJKC Putra Height, Selangor dan SJKC Kulai II, Johor.

Beliau berkata, pengumuman itu sekaligus membuktikan sebenarnya kerajaan mempunyai perancangan bagi menambah bilangan sekolah jenis tersebut.

Malah tegas Hishammuddin, kerajaan tidak mengamalkan sebarang dasar Untuk tidak menambah bilangan SJKC.

"Sememangnya ada (pertambahan SJKC) dan perkara ini telah dibincangkan dengan presiden parti-parti komponen (Barisan Na-

sional) iaitu Datuk Seri S. Samy Vellu (MIC), Datuk Seri Ong Ka Ting (MCA) dan Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik (Gerakan).

"Kita ambil masa untuk mengisytiharkannya tetapi untuk pengetahuan semua ini sebagai contoh untuk membuktikan bahawa ini bukan perkara retorik dan cakap kosong," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet kementerianya, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalannya, Datuk Noh Omar di Parlimen baru-baru ini bahawa tidak ada sebarang rancangan untuk menambah pembinaan sekolah vernakular dalam RMK-9.

Menurut Hishammuddin, dalam hal itu, Noh tidak boleh dipersalahkan atas kenyataannya itu kerana hak mutlak untuk mengumumkan penambahan SJKC dimiliki oleh menteri.

"Sememangnya kita tidak boleh salah-

kan Datuk Noh kerana yang membenarkan (pembinaan) sekolah ini hak mutlak menteri dan bukan di bawah pengetahuan Noh pun," jelas beliau.

Menurutnya, keputusan tersebut membuktikan pihak-pihak tertentu yang ingin mempertikaikan dan mengambil kesempatan untuk menuduh kerajaan tidak akan membina SJKC adalah tidak benar.

"Ini kerana dari dulu lagi usaha kita di peringkat tertinggi parti ada caranya untuk menangani sesuatu isu dan cara saya pula kita tidak akan umumkan sehingga perkara asas telah diselesaikan," katanya.

Beliau menyatakan, selama ini, pihaknya tidak membuat pengumuman mengenai sebarang penambahan bilangan SJKC kerana mahu isu-isu asas membabitkan soal tanah, perpindahan, lokasi dan masalah sekolah kurang murid diselesaikan terlebih dahulu.